

TEKS UCAPAN

YAB DATO' SERI DR WAN AZIZAH DR WAN ISMAIL

TIMBALAN PERDANA MENTERI

SEMPENA

SAMBUTAN 50 TAHUN (JUBLI EMAS) POLITEKNIK MALAYSIA

DI

POLITEKNIK UNGKU OMAR (PUO)

IPOH, PERAK

SAMBUTAN 50 TAHUN (JUBLI EMAS) POLITEKNIK MALAYSIA

Date: 07/04/2019

Venue: POLITEKNIK UNGKU OMAR (PUO) IPOH, PERAK

PENDAHULUAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya kita dapat berhimpun untuk meraikan Sambutan Jubli Emas Politeknik Malaysia.

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia di atas komitmen serta kesungguhan dalam menjayakan sambutan Jubli Emas Politeknik Malaysia pada hari ini

Saya berdoa semoga perhimpunan ini mendapat keberkatan dan keredhaanNya.

OVERVIEW PENDIDIKAN TVET DI MALAYSIA

Hadirin hadirat yang dimuliakan,

1. Sektor pendidikan memainkan peranan penting dalam menambah baik mobiliti sosial dan kesejahteraan rakyat.

Ini termasuk Pendidikan Teknikal Dan Latihan Vokasional Malaysia (TVET) yang bukan lagi menjadi pilihan terakhir, sebaliknya ia semakin mendapat pengiktirafan masyarakat dan dunia.

2. Tidak hairanlah, kepentingan TVET diiktiraf dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11).

Menjelang 2020, pengukuhan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional di beri penumpuan bagi menyediakan 60% daripada 1.5 juta pekerjaan yang memerlukan kemahiran berkaitan TVET.

3. Berdasarkan Kajian Separuh Penggal RMK-11, institusi TVET awam disarankan supaya mengkaji semula program sedia ada dengan menghentikan program yang berimpak rendah.

Memberi tumpuan kepada program yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi dan mengkhusus kepada bidang tujahan.

Tumpuan juga harus diberikan kepada menaiktaraf peralatan dan mesin berbanding membina institusi baharu agar kelangsungan pendidikan TVET sedia ada dapat memenuhi permintaan industri semasa.

4. Rentetan itu, dalam belanjawan 2019 kerajaan telah memperuntukkan RM206 juta untuk membangun dan menyediakan program latihan di politeknik dan kolej komuniti.

Manakala RM30 juta diperuntukkan kepada Dana Wibawa Pendidikan TVET dan RM20 juta bagi peningkatan kompetensi belia melalui Program Bootcamp berkaitan TVET.

Ini jelas menunjukkan kerajaan prihatin dan serius terhadap pembangunan TVET negara.

MODAL INSAN BERKEMAHIRAN

Hadirin hadirat yang dimuliakan,

5. Sektor pendidikan tidak akan terpisah dengan pembangunan modal insan.

Negara memerlukan modal insan bertaraf dunia yang bukan sahaja berpengetahuan dan berkemahiran tinggi tetapi juga fleksibel dan kreatif, serta memiliki etika kerja positif dan nilai-nilai rohaniah.

Oleh yang demikian, pembangunan modal insan merupakan sumber terpenting dalam memacu dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi, serta menyokong peralihan sektor ekonomi yang lebih mampan.

6. Modal insan yang berkemahiran tinggi mampu mendukung perkembangan ekonomi negara serta menutup jurang kemahiran yang dihadapi khususnya dalam sektor perindustrian.

Kerajaan sedar tentang kepentingan pembangunan tenaga manusia.

Ia harus selari agar tidak ketinggalan oleh revolusi industri global.

Ini menjadi satu peluang kepada Institusi TVET untuk meningkatkan keupayaannya agar terus kekal kompetitif termasuk Politeknik dan Kolej Komuniti.

7. Kita perlu melatih dan meningkatkan tenaga mahir tempatan secara berterusan agar mereka berpeluang memiliki pekerjaan dan pendapatan yang tinggi serta menikmati taraf hidup yang lebih baik.

8. Maka di sinilah institusi TVET, berperanan menjadi agen perubahan dalam melahirkan modal insan berkemahiran tinggi dan meningkatkan daya saing tenaga kerja mahir yang memacu Malaysia ke arah negara maju yang inklusif.

TADBIR URUS TVET

Hadirin hadirat yang dimuliakan,

9. Kita semua sedia maklum, berdasarkan struktur sedia ada, terdapat 6 kementerian melaksanakan TVET mengikut sistem pendidikan masing-masing, iaitu:

Kementerian Pendidikan

Kementerian Sumber Manusia

Kementerian Belia dan Sukan

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Pertindihan yang merangkumi sistem pendidikan, pensijilan, kekangan dana pembangunan serta ketidaktentuan nasib graduan TVET adalah antara cabaran yang perlu dihadapi dan diselesaikan.

10. Justeru itu, dengan tertubuhnya Jawatankuasa Pemerkasaan TVET, diharapkan impak positif dapat dilihat dalam menangani isu tersebut.

Jawatankuasa ini diharapkan dapat melaksanakan penyelarasan dan rasionalisasi merangkumi governan, penjenamaan, kualiti, industri dan pembiayaan.

11. Bagi memperkasakan program TVET, peranan industri perlu dipertingkatkan bagi memastikan inisiatif dan usaha kerajaan mencapai sasarannya.

Fasiliti dan perkhidmatan pendidikan TVET yang mantap tidak akan memberi makna tanpa penglibatan industri. Menjadi harapan Kerajaan, pihak industri dapat terlibat dengan lebih aktif supaya teknologi terkini dikongsi bersama terutama di Politeknik Malaysia.

Pihak industri perlu sentiasa berkomunikasi dengan institusi TVET berkenaan keperluan tenaga kerja yang diperlukan agar tidak berlaku percanggahan ataupun “mismatch” di antara keperluan industri dan graduan yang dihasilkan.

Terima kasih dan jutaan tahniah kepada rakan-rakan industri yang hadir pada hari ini menyokong Politeknik dan Kolej Komuniti melahirkan graduan yang mempunyai nilai kompetensi yang tinggi.

12. Program Work Based Learning (WBL) yang berkonsepkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di industri merupakan satu inisiatif terbaik oleh Politeknik Malaysia dalam membangunkan kompetensi graduannya untuk bersaing dalam pasaran industri domestik dan global.

POLITEKNIK MALAYSIA — HARAPAN NEGARA

Hadirin hadirat yang dimuliakan,

13. Dalam tempoh 50 tahun ini, Politeknik Malaysia telah berjaya melahirkan graduan dalam pelbagai bidang yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

14. Jika dianalisa statistik bilangan lulusan politeknik dan kolej komuniti, seramai 600 ribu orang graduan yang telah dilahirkan oleh Politeknik dan Kolej Komuniti berkecimpung dalam pelbagai bidang kerjaya.

15. Kebolehan dan kemampuan graduan serta tenaga pengajar TVET di politeknik dan kolej komuniti mampu bersaing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

16. Ini telah dibuktikan melalui beberapa pencapaian cemerlang dalam pertandingan kemahiran, inovasi dan pengiktirafan antarabangsa terhadap politeknik dan kolej komuniti.

17. Penubuhan 'Centre Of Technology' (COT) di Politeknik Malaysia merupakan langkah proaktif yang telah diambil bagi membudayakan perkongsian kepakaran, penyelidikan, inovasi serta pengajaran dan pembelajaran berkualiti.

"Centre of Technology" ini merupakan sebuah pusat di mana ilmu pengetahuan dan teknologi dalam bidang tujahan di politeknik digunakan dan diaplikasikan melalui:

Pemberian perkhidmatan kepakaran,

Pelaksanaan aktiviti penyelidikan dan inovasi,

Kecermelangan dalam pengajaran dan pembelajaran, dan

Pusat rujukan bagi komuniti dan industri yang berkaitan

18. Kelainan yang ditunjukkan oleh Politeknik dengan memperkenalkan bidang tujahan antaranya dalam kejuruteraan perkapalan, elektronik perubatan, penyenggaraan pesawat dan keselamatan siber yang berorientasikan industri ternyata memberi kesan positif kepada pembangunan negara.

19. Sehubungan itu, saya menyarankan supaya politeknik terus memperkasakan aktiviti kolaborasi dengan pihak industri melalui konsep teaching factory dengan menambah penglibatan industri ke dalam politeknik di dalam pelbagai bidang.

Konsep ini akan melibatkan "apprenticeship", "work-based learning" dan "learn and earn".

Ia juga akan merangkumi "industry education centre", di mana pihak industri sendiri aka menjalankan sebahagian daripada proses mereka di

premis politeknik dan pelajar politeknik dapat belajar dalam suasana industri sebenar di kampus mereka.

20. Ini kerana terdapat keperluan untuk menganjak amalan industri seperti di kilang kepada persekitaran pembelajaran dan membawa amalan pembelajaran kepada persekitaran kilang.

21. Saya berharap supaya Politeknik Malaysia terus mengorak langkah untuk menjadi institusi TVET yang responsif terhadap keperluan pembangunan negara.

22. Harapan ini selaras dengan dasar dan hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai tenaga kerja profesional dalam bidang teknikal dan vokasional bagi memacu Malaysia ke arah negara maju yang inklusif dan mampan.

PENUTUP

Hadirin hadirat yang dimuliakan,

23. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya merakamkan sekalung tahniah dan penghargaan kepada warga Politeknik Malaysia yang telah menjayakan Sambutan Jubli Emas ini.

24. Tidak ketinggalan juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada mantan-mantan pengurusan tertinggi dan para pensyarah serta kakitangan yang banyak menyumbang bakti dan jasa dalam memastikan sistem Politeknik terus lestari dan berdaya saing selama 50 tahun penubuhannya.

25. Semoga sambutan pada hari ini mencetus inspirasi dalam kita berusaha untuk memartabatkan pendidikan TVET negara.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan
MAJLIS SAMBUTAN JUBLI EMAS, 50 TAHUN POLITEKNIK MALAYSIA!!

Wabillahi Taufik Walhidayah, Assalamualaikum Warah Matullahi
Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

Khamis, 07 April 2019

Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak

**© Hak Cipta © 2019, Pejabat Timbalan Perdana Menteri, Jabatan Perdana
Menteri**

Source: <http://tpm.jpm.gov.my/sambutan-50-tahun-jubli-emas-politeknik-malaysia/>